

# 40 peratus rakyat guna pengangkutan awam

**SHAH ALAM** - Kerajaan yakin sasaran sebanyak 40 peratus nisbah mod pengangkutan awam dalam program Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang (GKL/KV) berjaya dicapai menjelang tahun 2030.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, ini berikutan pelbagai projek seperti perkembangan perkhidmatan rel seperti Transit Aliran Massa (MRT) dan projek sambungan Transit Aliran Ringan (LRT) yang dilaksanakan sepanjang tahun lalu.

"Selain itu, langkah-langkah untuk menambah baik perkhidmatan bas dan transformasi industri teksi yang sedang dilaksanakan menambah keyakinan kerajaan bahawa sasaran itu berjaya dicapai," katanya dalam Laporan Tahunan Program Transfor-



**PERKHIDMATAN MRT fasa pertama dari Sungai Buloh ke Semantan bermula 16 Disember tahun lalu memberi manfaat besar kepada penduduk Lembah Klang.**

masi Kerajaan 2016 yang dilancarkan di sini semalam.

Tiong Lai berkata, pengangkutan awam bandar telah membuka satu era baharu tahun lalu apabila fasa pertama MRT Laluan 1 dari Sungai Buloh, Selangor ke Semantan, Kuala Lumpur dibuka

kepada orang ramai bermula 16 Disember tahun lalu.

Katanya, sebanyak RM106.5 juta telah dibelanjakan bagi meningkatkan kesalinghubungan dan kebolehcapaian pengangkutan awam dalam kawasan Greater KL/KV, memperbaiki kapasiti rangkaian dan me-

ningkatkan kepuasan pelanggan secara menyeluruh.

Menurut Tiong Lai, usaha kerajaan untuk meningkatkan rangkaian pengangkutan awam bandar menambah baik kualiti kehidupan rakyat sekali gus membolehkan mereka mengelakkan diri daripada menghabiskan masa dalam kesesakan lalu lintas selain menjimatkan kos perjalanan.

"Tahun 2016 menandakan tahun pertama operasi bagi Bas Rapid Transit laluan Sunway, Petaling Jaya yang memberikan perkhidmatan kepada 500,000 penduduk bandar itu dan Subang Jaya.

"Laluan sepanjang 5.4 kilometer itu melalui tujuh stesen merekodkan penyediaan perkhidmatan kepada 6,000 penumpang setiap hari iaitu 50 peratus lebih ramai berbanding tahun sebelumnya," jelas beliau.